

Rokok elektronik lebih bahaya daripada rokok asli?

MENURUT Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, penjualan bahan dan produk e-rokok adalah salah mengikut Akta Racun 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Mereka yang didapati bersalah menjual dan mengedar produk itu dan cecair nikotin untuk kegunaan rokok e-elektronik boleh didenda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-dua sekali.

Rokok elektronik ataupun e-rokok adalah satu percubaan untuk menghasilkan sejenis rokok yang kononnya mampu mengurangkan kadar penagihan rokok sedia ada yang dihasilkan menggunakan tembakau.

Tembakau adalah faktor utama

masalah berkaitan jantung dan sempamanya. Biarpun risiko penggunaan tembakau ke atas kesihatan sudah diketahui umum, usaha mempromosikan hidup bebas rokok masih tidak begitu berkesan.

E-rokok dikatakan selamat digunakan kerana tidak mempunyai kandungan tembakau. Walaupun rasanya agak sama seperti merokok rokok asli, ia tidak mengeluarkan sebarang asap, karbon monoksida dan sudah tentu tidak menghasilkan abu.

Dianggarkan sekurang-kurangnya 4,400 kanak-kanak menjadi perokok tegar apabila menginjak dewasa. Sehubungan itu, pelbagai kaedah dicipta termasuklah rokok elektronik ini bagi membantu perokok.

Rokok e-elektronik atau e-rokok

ini kononnya bertujuan membuang tabiat merokok secara beransur-ansur, tanpa disedari mereka yang menggunakannya terdedah kepada pelbagai jenis penyakit kronik.

E-rokok sebenarnya menggunakan sejenis cecair dan seterusnya menghasilkan wap air. Tetapi tahukah anda cecair nikotin juga terkandung di dalam e-rokok? Kandungan nikotin akan meningkatkan ketagihan untuk merokok.

Ini menunjukkan e-rokok yang dikatakan selamat itu juga mampu merosakkan paru-paru seperti rokok biasa. Nikotin juga akan meningkatkan kadar denyutan nadi dan pembebasan hormone adrenalin serta melambatkan sistem saraf.

Nikotin boleh memberi tindak

balas terus ke atas otak dengan memberi kesan rangsangan yang disokong oleh pelbagai faktor lain. Ia mempunyai nikotin bervariasi seperti nikotin pelarut, *propilenglikol*, *diethylenglikol*, *dangliserin* yang menghasilkan *nitrosamine* apabila dipanaskan. Larutan *nitrosamine* ini akan menjadi faktor terhasilnya kanser.

Satu kajian saintifik mendapati rokok-e mengandungi karsinogen dan bahan-bahan kimia bertoksik seperti *diethylene glycol*.

China sebagai penemu awal rokok elektronik ini pada tahun 2003 juga melarang penggunaan rokok ini kerana dipercayai menjejaskan kesihatan. Ia juga didapati mengakibatkan kekurangan oksigen yang diserap oleh darah sehingga mewu-

judkan peningkatan mendadak dalam rintangan udara paru-paru.

Alat elektronik ini diimport dari China dan dikatakan tidak menjalani sebarang pemeriksaan keselamatan sebelum dijual kepada orang ramai.

Rokok elektronik mempunyai bateri, atomizer, dan katrij nikotin. Cip elektronik akan mengesan pergerakan udara di dalamnya apabila pengguna menyedut rokok itu. Nikotin cair dan udara kemudiannya akan dicampurkan menerusi atomizer yang dihidupkan oleh *microprocessor*.

Proses ini akan menghasilkan wap yang kelihatan sama dengan asap rokok biasa. Ia tidak mengandungi karbon monoksida dan tidak

berbau. E-rokok juga dilengkapi LED yang berwarna oren jika dinyalakan oleh *microprocessor*, yang kelihatan seperti rokok yang terbakar ketika dihisap.

Di sebalik kecanggihan penciptaan rokok moden ini, ia juga dikatakan lebih berbahaya daripada rokok biasa jika dikaji bahan-bahan yang menghasilkan proses pengewapan sepertimana yang di atas.

Rokok versi digital ini semakin mendapat sambutan dan dijual secara berleluasa di negara ini. Rakyat seharusnya sedar akan bahayanya penggunaan rokok sama ada rokok biasa atau rokok elektronik.

SITI NUR HAFIZAH ZAKARIA
USIM, Nilai